

Suburkan hubungan sesama universiti

► UMS terlibat aktif dalam program mobiliti pelajar peringkat antarabangsa

UB 17.7.2019 B2

Oleh YAP SIONG HAN

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) terlibat aktif dalam program mobiliti pelajar peringkat antarabangsa anjuran ASEAN International Mobility for Students (AIMS).

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS Prof Dr Ho Chong Mun berkata, sejak penglibatan UMS dalam AIMS pada 2016, sejumlah 60 pelajar UMS telah mengikuti program mobiliti di beberapa universiti luar yang merupakan negara anggota AIMS.

“Dalam tempoh yang sama, UMS juga menerima seramai 56 pelajar universiti dari negara ahli. Pada tahun 2019, setakat ini 11 pelajar UMS telah menjalani program mobiliti ini di Tsukuba University, Jepun; Mae Fah Luang University, Thailand; Central Luzon


State University, Filipina; dan Daegu Catholic University, Korea Selatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Ho berkata, penglibatan UMS dalam program itu amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mengantarabangsakan institusi pendidikan tinggi

“Penglibatan UMS dalam program itu amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mengantarabangsakan institusi pendidikan tinggi di negara ini. Ia juga sebagai satu langkah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar mengenai budaya dan kehidupan masyarakat di negara lain.

“Ia sekali gus mampu menyuburkan hubungan antara sesama universiti yang boleh membawa

“Malah baru-baru ini, kita di UMS juga amat bertuah kerana diberi kepercayaan oleh Bahagian Education Malaysia (BEM), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu menyelesa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana AIMS 2019 di Kota Kinabalu yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir dan wakil-wakil



PROF DR HO CHONG MUN

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS



GAMBAR kenangan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana AIMS 2019. Turut kelihatan Dr Siti (duduk, enam dari kiri) dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof Dr Rasid Mail (duduk, lima dari kanan).

kepada jalinan kerjasama strategik dengan universiti-universiti serta negara yang terlibat.

“Malah baru-baru ini, kita di UMS juga amat bertuah kerana diberi kepercayaan oleh Bahagian Education Malaysia (BEM), Jabatan Pendidikan

Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu menyelesa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana AIMS 2019 di Kota Kinabalu yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir dan wakil-wakil

universiti dari negara ahli,” katanya.

Untuk rekod, sebanyak lapan negara yang terlibat dalam AIMS merangkumi negara Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam, Jepun dan Korea Selatan. Sehingga kini, seramai

1,200 pelajar telah terlibat dalam program mobiliti membabitkan 61 institusi pengajian tinggi dari seluruh negara anggota AIMS yang mana kesemua pelajar yang terpilih itu akan ditaja melalui biasiswa yang diberikan oleh kerajaan negara masing-masing.